

18 JUL 2003

Mahathir-Asal (Bergambar)

DR MAHATHIR INGATKAN RAKYAT TIDAK LUPA ASAL-USUL

KUALA LUMPUR, 18 Julai (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini mengingatkan rakyat supaya tidak lupa kepada asal-usul masing-masing walaupun negara telah mencapai kemajuan.

Beliau berkata hanya dengan mengingati asal-usul dan masa lampau, kita boleh memastikan arah dan tujuan masing-masing pada masa hadapan.

"Kita dah maju sikit ke hadapan, jadi jangan lupa asal-usul kita, kerana kalau kita lupa dari mana kita datang, kita tak akan ketahui ke mana kita akan pergi," katanya semasa berucap pada majlis Malam Darul Aman yang dianjurkan oleh Persatuan Bekas Pelajar Kolej Sultan Abdul Hamid, Alor Setar, Kedah, di sini.

Beliau berkata melupakan asal-usul juga boleh menyebabkan seseorang itu mundur kerana dia tidak melihat arah yang dituju.

"Mungkin kita undur ke belakang kerana kita tidak tahu itu adalah belakang, sebab itu kadang-kadang ada antara kita yang sesat sikit pasal kita tak tengok ke belakang," katanya.

Perdana Menteri berkata rakyat sepatutnya bersyukur kerana kehidupan anak-anak pada zaman sekarang adalah jauh berbeza berbanding dengan generasi beliau dahulu.

"Dulu bermasalah banyak. Yang dapat sekolah pun tak banyak. Yang bersama saya masuk GES (sekarang Kolej Sultan Abdul Hamid) cuma 30 orang daripada 20 ribu penduduk Alor Setar,

"Sekarang semua boleh masuk sekolah, boleh pergi sampai universiti, kalau tak ada duit ada biasiswa," katanya.

Mengimbau di hari pertama beliau bersekolah di darjah satu, Dr Mahathir berkata beliau dan rakan-rakannya terpaksa duduk di atas lantai kerana tak ada kerusi.

"Tapi sekarang ini kalau suruh budak-budak dok atas lantai, mak bapak akan sampai ke sekolah, surat akan sampai ke Menteri Pendidikan," katanya.

Dr Mahathir juga berkata pada masa beliau bersekolah, semua perkara dilakukan sendiri oleh murid-murid termasuk membersihkan kelas dan sekolah kerana tidak ada pekerja yang diupah untuk tugas itu.

"Semuanya dilakukan tanpa ada yang "komplen"," kata beliau.

Perdana Menteri berkata kemajuan negara bukan saja dinikmati oleh generasi muda, tetapi juga oleh golongan pesara kerajaan yang masih menikmati faedah sebagaimana masa bekerja, seperti kenaikan pencen apabila gaji naik dan turut mendapat bonus apabila kakitangan awam menerima bonus.

Dr Mahathir berkata bagaimanapun beliau bersyukur kerana walaupun payah, beliau berjaya menyambung pelajaran sehingga berjaya menjadi doktor dan seterusnya menjadi Perdana Menteri.

"Kini dah jadi Perdana Menteri 21 tahun, cukuplah. Jadi saya nak berhenti pada bulan Oktober nanti.

"Banyak orang tanya habis nanti nak buat apa? Saya cakap tidur," katanya.

Dr Mahathir juga secara berseloroh berkata beliau seronok menjadi Perdana Menteri kerana tugas beliau hanya membuat keputusan dan orang lain yang melaksanakannya, seperti pembinaan Menara Berkembar Petronas.

"Itu yang baik jadi Perdana Menteri, kita tak buat apapun, cuma buat keputusan, orang lain yang buat, tapi yang dapat nama saya," katanya.

-- BERNAMA

NM AZH